



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***AMALAN PEMBANGUNAN KANDUNGAN DOKUMENTARI  
MALAYSIA UNTUK PASARAN ANTARABANGSA***

**SHHRUL AZLI MOHD SHUKOR**

**FBMK 2020 59**



**AMALAN PEMBANGUNAN KANDUNGAN DOKUMENTARI  
MALAYSIA UNTUK PASARAN ANTARABANGSA**

**Oleh**

**SHAHRUL AZLI MOHD SHUKOR**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Master Sains**

**September 2019**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

Buat abah,  
Haji Mohd Shukor b. Khalid, PJK., PPT. yang tidak henti mengingatkan  
sehingga ke akhir hayatnya. Al-Fatihah. Emak tercinta, Hajah Rabiah  
Mohamed Hasan menampung yang tempang.

Buat isteri, Rozihani binti Mohamad yang menjadi tulang belakang. Buat Amer  
Hamka, Aliya Humaira, Amani Hureen dan Aireen Hafiya adalah jantung hati,  
penyeri sanubari.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi untuk Ijazah Master Sains

**AMALAN PEMBANGUNAN KANDUNGAN DOKUMENTARI  
MALAYSIA  
UNTUK PASARAN ANTARABANGSA**

Oleh

**SHAHRUL AZLI BIN MOHD SHUKOR**

**September 2019**

**Pengerusi : Megat Al-Imran Yasin, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Di Malaysia pasaran penerbitan dokumentari amat terhad. Faktor penyebab fenomena ini ialah kerana slot tayangan dokumentari yang terhad dan bayaran produksi yang rendah. Kemelut ini berterusan apabila wujud masalah kualiti skrip, kurangnya penyelidikan dan tempoh masa yang pendek untuk pembikinan akibat bayaran yang rendah oleh pihak penyiar tempatan. Dengan demikian, pasaran antarabangsa merupakan penyelesaian yang berpotensi tinggi untuk penerbit dokumentari tempatan. Namun kekurangan pendedahan dan pengalaman telah menghadkan usaha penerbit tempatan untuk menembusi pasaran antarabangsa. Standard dan kualiti penerbitan yang tinggi diperlukan bagi dokumentari di siaran antarabangsa.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri dan amalan pembangunan kandungan dokumentari Malaysia untuk pasaran antarabangsa dengan meneroka apakah ciri-ciri dan amalan pembangunan kandungan yang baik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan fenomenologi bagi memahami fenomena penerbitan dokumentari Malaysia untuk pasaran antarabangsa. Teori Auteur menjadi asas kepada kajian ini. Teori Auteur menyarankan bahawa sesuatu karya itu dibentuk hasil daripada stail individu pengarah dengan digabungkan dengan kepakaran teknikal sehingga membentuk makna kepada karya mereka.

Kajian ini melibatkan 7 orang penerbit dokumentari tempatan yang berpengalaman menerbitkan dokumentari untuk penyiar antarabangsa. Informan

dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Semua informan ditemu bual secara mendalam dan hasil temu bual dirakam dan ditranskrip. Ia kemudiannya dianalisis untuk mendapatkan data mengenai fenomena dokumentari Malaysia untuk pasaran antarabangsa.

Hasil kajian ini mendapati pembikin dokumentari perlu memahami ciri-ciri kandungan dokumentari dan mempraktis amalan pembangunan kandungan yang baik untuk menghasilkan dokumentari untuk pasaran antarabangsa, Wujud satu corak yang perlu dipraktik pembikin dokumentari apabila membangunkan kandungan untuk dokumentari antarabangsa. Corak atau disebut sebagai trend ini merupakan keperluan yang mesti ditetapi kerana ia menjadi kunci utama kepada penerimaan penyiar antarabangsa. Kajian ini mengenal pasti bahawa elemen cerita dan karakter amat dititik beratkan dalam pembangunan jalan cerita. Selain itu, kajian ini mendapati pembikin dokumentari perlu untuk mempraktik amalan-amalan pembangunan kandungan yang baik iaitu kaedah pencarian idea, proses penyelidikan dan kaedah pembangunan treatment.

Secara rumusan, kajian ini menemui ciri-ciri dan kaedah yang baik dalam pembangunan kandungan dokumentari untuk pasaran antarabangsa pada tahap pra-produksi. Jika ada kajian lain di masa hadapan, fokus boleh diberikan kepada kajian pada tahap produksi dan pasca-produksi untuk melihat keperluan penyiar antarabangsa pada tahap ini pula.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE PRACTICE OF CONTENT DEVELOPMENT OF MALAYSIAN DOCUMENTARY FOR THE INTERNATIONAL MARKET**

By

**SHAHRUL AZLI BIN MOHD SHUKOR**

**September 2019**

**Chairman : Megat Al-Imran Yasin, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

The documentary market in Malaysia is very limited. The factors that cause this phenomenon are due to limited screening slots and low production revenues. This uncertainty also keeps surfacing when problems occur with scripts quality, lack of research and brief production period due to low production budget allocated by local broadcasters. Thus, the international market could be a high potential alternative solution for the local documentary makers. However, lack of exposure and experience has become an obstacle for local filmmakers to penetrate the international market. High standard and quality documentary productions are the pre-requisites for international screening.

This study used qualitative methods by applying the phenomenological approach in understanding the phenomenon of the Malaysia documentary productions for the international market. Auteur theory became the basis for this study. Auteur theory suggests that a work is created from the individual style of the director combined with technical expertise to form a meaning to the work.

The study included 7 experienced local documentary producers who have produced for international broadcasters. Informants were selected through purposive samplings. All informants were interviewed in depth and the results were recorded and transcribed. It was then analyzed to obtain data on the phenomenon of Malaysia documentaries for the international market.

The results of this study showed the documentary filmmakers need to understand the content characteristics as well as apply the good content development practice. There is also a pattern that needs to be exercised by the local filmmakers

when developing content for international screening purposes. This pattern is called a trend or necessity that must be accommodated, as it is the key to ensure the production is in concordance with the international broadcaster's requirements. This study identified that story elements and characters need to be focused on in the development of a storyline. In addition, the study also found, that the local filmmakers need to embrace the good content development practice, which includes brainstorming for fresh ideas, research process and development methods of treatment.

In conclusion, this study found good attributes and methods in the development of documentary content for the international market in the pre-production stage, if there are other studies in the future, the focus should be given on the production and post-production for the needs of international broadcasters at this stage.



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi Maha mengasihani. Saya memanjat rasa kesyukuran di atas nikmat dan keizinan-Nya tesis ini dapat disempurnakan.

Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di atas sokongan dalam menyiapkan tesis ini. Kepada pengerusi jawatankuasa penyelia, Dr. Megat al-Imran bin Yasin saya amat berterima kasih dan tidak mungkin saya dapat membalas jasa di atas segala bantuan dan tunjuk ajar selama saya mengerjakan tesis ini. Beliau membimbing saya dalam bidang komunikasi penyiaran khususnya genre dokumentari sehingga membuka jalan kepada rasa minat yang amat tinggi untuk saya terus meneroka bidang yang unik ini. Kepada Prof. Madya Dr. Jusang bin Bolong turut saya rakamkan ribuan terima kasih di atas bimbingan beliau dalam aspek metodologi dan teori komunikasi. Ilmu akademik dan jiwa seni beliau, amat memudahkan komunikasi kami. Kepada Prof. Dr. Salleh Md. bin Hj. Hassan, beliau banyak memberi tunjuk ajar daripada aspek teori komunikasi. Kepakaran ilmu dan pengalaman luas beliau amat memanfaatkan saya dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Sokongan dan kerjasama daripada Prof. Dr. Shameem binti Mohd Rafik Khan turut membantu pengurusan masa saya dalam menghadiri kelas dan menyiapkan penulisan tesis ini.

Paling berharga ialah pengorbanan isteri dan anak-anak tercinta dalam memberi ruang waktu untuk saya bersendirian dalam menyelesaikan kerja-kerja penyelidikan tesis ini. Dorongan arwah abah dan emak serta adik beradik turut membantu memberi kelapangan jiwa kepada saya. Semoga Allah membalas pengorbanan mereka samada di dunia atau di alam baqa' nanti.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Megat Al Imran Yasin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Syed Agil Shekh Alsagoff, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Date : 8 Oktober 2020

## Perakuan oleh Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Shahrul Azli b. Mohd Shukor (GS52886)

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Ini adalah untuk mengesahkan bahawa:

- Penyelidikan yang dijalankan dan penulisan tesis ini berada di bawah pengawasan kami;
- tanggungjawab penyeliaan seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi Jawatankuasa : Dr. Megat Al Imran Yasin  
Penyeliaan :

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli Jawatankuasa : Dr. Syed Agil Shekh Alsagoff  
Penyeliaan

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
Latar Belakang Kajian	1
Permasalahan Kajian	3
Persoalan Kajian	7
Objektif Umum	9
Objektif Khusus	9
Kepentingan Kajian	10
Skop Kajian	11
Limitasi Kajian	12
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	<b>13</b>
Pengenalan	13
Dokumentari	13
Penerbitan Dokumentari di Malaysia	14
Penubuhan Malayan Film Unit (MFU)	14
Penubuhan Filem Negara Malaysia dan	17
Kemunculan Siaran Televisyen	
Penerbitan Dokumentari oleh Penerbit	19
Persendirian	
Dokumentari Malaysia dan Pasaran Antarabangsa	22
Teori Autuer	27
Pendekatan Penerbitan Dokumentari Mengikut	29
Konvensi Sejagat	
Pembinaan Kerangka Konsep Kajian	31
Fenomena Pembangunan Kandungan di Peringkat	32
Global	

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>34</b>
	Pengenalan	34
	Rekabentuk Kajian	34
	Pendekatan Fenomenologi	34
	Subjek Kajian	36
	Pemilihan Informan	36
	Pengkaji Sebagai Informan Kajian	37
	Instrumen	38
	Temu Bual Secara Mendalam	39
	Prauji Kajian	39
	Proses Pengumpulan Data	41
	Rumusan Proses Pengumpulan Data	43
	Pengurusan Analisis Data	44
	Kesahan Dalaman	46
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>47</b>
	Pengenalan	47
	Latar Belakang Informan	47
	Ciri-Ciri Kandungan Dokumentari untuk Pasaran Antarabangsa	48
	Cerita	49
	Cerita yang Segar	49
	Cerita perlu Besar	51
	Cerita yang Menimbulkan Elemen Aspirasi	52
	Cerita perlu ada Penyudah atau Resolusi yang Jelas	54
	Cerita yang Eksklusif	55
	Cerita Bertema Universal	57
	Karakter	59
	Karakter yang Kuat, Besar atau Hebat	59
	Karakter yang Universal	61
	Karakter Menghiburkan dan Dramatik	62
	Karakter Unik atau Berkarisma	63
	Amalan Pembangunan Kandungan untuk Penerbitan Dokumentari Pasaran Antarabangsa	64
	Pencarian Idea	65
	Sifat Kepentingan Diri ( <i>Self-Interest</i> )	65
	Mengikut Trend	66
	Watak Tersedia Ada	67
	Akses Unik Tersedia Ada	68
	Proses Penyelidikan	69
	Penyelidikan Awal/Asas	69
	Penyelidikan Mendalam	72
	Pembangunan Treatment	74
	Treatment Awal	75
	Treatment Lengkap	76

<b>5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>79</b>
Pengenalan	79
Ringkasan Kajian	79
Rumusan Hasil Kajian	80
Kesimpulan	84
Implikasi dan Cadangan	85
Cadangan Kajian akan Datang	88
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>90</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>94</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>102</b>
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>103</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Jumlah Pengeluaran Lesen FINAS bagi Tempoh 2006 – 2015	7
2.1	Senarai Penerbitan Dokumentari dengan Kerjasama Penyiar Antarabangsa yang Dibiayai oleh FINAS dari Tahun 2010 hingga 2013	24
3.1	Senarai Informan yang Ditemubual untuk Prauji Kajian	41
3.2	Maklumat Informan yang Terlibat dengan Temu Bual Mendalam	44
4.1	Ciri Informan Mengikut Tempoh Pengalaman dan Jumlah Penerbitan Dokumentari yang Tersiar di Penyiar Antarabangsa (n=7)	47
4.2	Jenis Penerbitan Antarabangsa yang telah Diterbitkan oleh Informan (n=7)	48
4.3	Ciri-ciri Kandungan untuk Dokumentari Pasaran Antarabangsa	48
4.4	Amalan Pembangunan Kandungan untuk Penerbitan Dokumentari Pasaran Antarabangsa	64



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
2.1	Model Teori Auteur oleh Andrew Sarris (1962)	29
2.2	Kemungkinan Kerangka Kajian ‘Amalan Pembangunan Dokumentari Malaysia untuk Pasaran Antarabangsa’	32
5.1	Konstruk Baharu Kajian ‘Amalan Pembangunan Kandungan Dokumentari Malaysia untuk Pasaran Antarabangsa	87

## SENARAI SINGKATAN

DFN	Dasar Perfileman Negara
FNM	Filem Negara Malaysia
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
MFU	Malayan Film Unit
NatGeo	National Geographic Channel
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia

## BAB 1

### Pengenalan

#### Latar Belakang Kajian

Filem dokumentari di awal perkembangannya merupakan satu anjakan baru dalam menghasilkan imej yang bergerak di abad ke-19. Pembikin filem pada waktu itu merakam peristiwa kehidupan seharian mereka seperti adegan kereta api tiba di stesen (*Arrivee d'un train en gare a La Ciotat, 1895*), atau sekumpulan orang yang meninggalkan tempat kerja mereka (*Sortie d'usine, 1895*). Filem-filem jenis tersebut jika diteliti mungkin kelihatan primitif, tetapi pada masa itu ia dianggap sesuatu yang ajaib kerana ia seperti hidup. Maka, wujudlah satu potensi bentuk baharu iaitu kaedah untuk menyampaikan maklumat dan fakta kepada khalayak dengan terciptanya teknologi baru ini.

Rentetan terciptanya kamera filem yang merakam imej bergerak, wujud pula suara latar dan muzik yang memberi emosi selari dengan visual. Maka lengkaplah satu proses penghasilan filem sehingga ke hari ini pelbagai teknik dan genre penceritaan terhidang di pasaran.

Dokumentari mula diterbitkan di Malaysia sejak pada zaman penjajahan British sebagai medium untuk menyebarkan maklumat dan propaganda kepada penduduk Tanah Melayu pada waktu itu. Corak perkembangan penerbitan dokumentari di Tanah Melayu boleh dikatakan seiring perkembangan dokumentari di Britain pada tahun 1930an. Di Britain, dokumentari bertapak apabila ia dilihat sebagai alat perhubungan awam. John Grierson dan Stephen Tallent, setiausaha kepada Empire Marketing Board merupakan orang penting kepada perkembangan Dokumentari British. Dengan tertubuhnya Empire Marketing Board (EMB) sebagai entiti untuk mempromosikan produk-produk kolonial British. (Raja Ahmad Alauddin 2004). Mereka percaya filem dapat berfungsi sebagai medium perantara dan penyebaran maklumat dalam kalangan negara-negara Komanwel. Mereka telah mempengaruhi Jabatan Perbendaharaan untuk membiayai penerbitan filem-filem dokumentari mereka tentang negara Britain dan jajahannya termasuklah hal-hal berkaitan perindustrian yang secara langsung akan memberi manfaat kepada semua penduduk di negara-negara jajahan Britain supaya mereka dapat menghargai antara satu sama lain.

Perang Dunia Kedua menjadi titik tolak kepada pengukuhan peranan dokumentari sebagai alat propaganda dalam kalangan negara-negara yang berperang seperti Britain, Belanda dan Jepun. Di Britain misalnya, peranan

penerbitan dokumentari telah ditanggungjawabkan di bawah Kementerian Penerangan melalui The Crown Film Unit (Abu Hassan 2004). Pada waktu itu, kerajaan Britain percaya bahawa kewujudan sebuah unit khusus dalam penerbitan dokumentari dalam meningkatkan aktiviti perhubungan awam.

Di Malaysia, penubuhan Malayan Film Unit (MFU) pada tahun 1946 merupakan langkah awal kepada penubuhan sebuah unit khusus untuk penerbitan dokumentari. Sungguh pun terdapat beberapa dokumentari tempatan awal yang diterbitkan seawal tahun 1920an seperti *Malayan Motor Roads* (1920), *Memories of Malacca* (1921) dan *Malay Nights* (1931), penubuhan MFU merupakan perintis kepada penerbitan dokumentari bermutu dan secara sistematik (Megat al-Imran 2004). Dokumentari di Malaysia melalui era sebelum dan selepas merdeka dengan diterajui oleh Filem Negara Malaysia (Malayan Film Unit ditukar nama kepada Filem Negara Malaysia (FNM) sejajar dengan penubuhan Malaysia pada tahun 1963). Filem Negara Malaysia berperanan sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab menerbitkan dokumentari berkaitan peristiwa penting dan acara rasmi negara.

Peranan Filem Negara Malaysia berterusan sehingga penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) di bawah akta FINAS 1981 (Akta 244). FINAS bertanggungjawab untuk memajukan industri perfileman negara melalui kawal selia tiga aktiviti utama iaitu pengeluaran, pengedaran dan pemameran. Penubuhan FINAS pada peringkat tersebut tidak memberi fokus terhadap pembangunan dokumentari, malah kewujudan Dasar Perfileman Negara (DFN) pada tahun 1987 turut tidak menyatakan kedudukan atau usaha pembangunan genre dokumentari. Situasi ini berlanjutan sehingga DFN dibuat kajian semula pada tahun 2004. Melalui kajian semula ini dokumentari dianggap sebagai satu komoditi yang penting untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa. Ia juga berupaya mempromosi negara di samping menjadi aset intelektual yang tinggi nilai komersilnya (DFN 2005).

Bertolak daripada itu, peranan membangun dan memajukan dokumentari telah dipertanggungjawabkan kepada FINAS. Maka FINAS mempergiatkan usaha pembangunan dokumentari dengan memberi fokus kepada strategi yang ditetapkan oleh DFN iaitu pembangunan tenaga kerja, permodalan dan insentif, pembangunan teknologi dan infrastruktur, pembangunan dokumentari dan animasi, promosi dan pemasaran serta pengurusan dan perundangan (Asiah 2009).

Masalah pembangunan dokumentari di Malaysia seperti yang disenaraikan oleh laporan DFN menemui enam isu utama (DFN 2005). Masalah tersebut ialah:

- i. Kekurangan skrip dokumentari yang kuat dari aspek penyelidikan yang komprehensif;
- ii. Kos yang tinggi di atas sebab keperluan kepakaran khusus, penyelidikan yang mendalam, masa yang panjang, lokasi yang pelbagai dan khidmat pengarah dan tenaga kerja yang berpengalaman;
- iii. Penapisan filem yang terlalu ketat sehingga menjejaskan kualiti persembahan;
- iv. Kos perolehan yang amat rendah oleh stesen televisyen tempatan berbanding perolehan dokumentari antarabangsa;
  - v. Kekurangan sumber pembiayaan bagi penerbitan dokumentari; dan
  - vi. Pasaran tempatan yang terhad.

### **Permasalahan Kajian**

Umumnya dokumentari dianggap sebagai sebuah genre penerbitan yang tidak menarik dan kurang nilai komersil jika dibandingkan dengan filem cereka. Berbanding filem cereka yang menampilkan pelakon-pelakon popular yang diminati ramai, jalan cerita yang menepati selera penonton, teknik penyampaian seperti kesan khas membantu filem cereka menggamit penonton ke pawagam. Akibatnya, dokumentari tersisih dari selera penontonan masyarakat tempatan dan memberi kesan kepada kekurangan komitmen penerbit filem untuk menghasilkan dokumentari yang bermutu.

Di Malaysia pasaran dokumentari amatlah terhad. Faktor penyebab fenomena ini ialah kerana slot tayangan dokumentari yang terbatas dan bayaran produksi yang rendah (DFN, 2005). Dalam kalangan stesen televisyen tempatan, RTM melalui salurannya TV1 dan TV2 merupakan penyiar tertinggi rancangan-rancangan dokumentari. Menurut En. Shuhaimi Jamalim, Pengarah Bahagian Program TV RTM, Setiap minggu RTM menayangkan sekitar enam jam rancangan-rancangan dokumentari yang dihasilkan oleh mereka. RTM lebih mengutamakan dokumentari tempatan tetapi pada masa sama turut menayangkan dokumentari daripada luar negara dengan menyiarkan sekitar 5.5 jam dokumentari-dokumentari yang diimport (Berita Harian, 2011).

Kajian analisa kandungan oleh Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, Shamsubaridah (2009) terhadap rancangan TV tempatan menunjukkan bahawa genre dokumentari ialah antara genre yang berkedudukan sederhana dalam kalangan tiga penyiar iaitu TV1, TV2 dan TV3. Sungguhpun begitu, kajian tersebut mendapati pihak TV3 masih menutup ruang siaran pembikin dokumentari bebas manakala TV8 tidak menyediakan ruang siaran untuk siaran rancangan dokumentari.

Selain itu, kadar rendah yang dibayar oleh stesen televisyen terhadap penerbitan dokumentari turut menyumbang kepada faktor kurangnya penglibatan penerbitan kepada genre dokumentari ini. Penerbitan dokumentari yang bermutu memerlukan pelaburan yang besar bagi kerja-kerja penyelidikan dan pra-produksi. Lantaran syarikat produksi hanya menghasilkan program dokumentari mengikut skala peruntukan yang sama seperti penerbitan rancangan majalah. Hal ini banyak memberi kesan kepada kualiti pembikinan dokumentari.

Kurangnya skrip dokumentari yang bermutu turut menjadi faktor kepada kekangan penerbitan dokumentari. Kajian oleh Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, Shamsubaridah (2009) menunjukkan masalah utama yang dihadapi oleh RTM dalam penerbitan dokumentari ialah untuk mendapatkan penulis skrip dan penyelidik yang baik. Hal ini bertambah rumit apabila kebanyakan syarikat produksi tidak memahami maksud penerbitan dokumentari yang baik.

Kajian tersebut turut menunjukkan kelemahan ketara dokumentari di Malaysia ialah dari segi struktur naratif yang tidak jelas samada dari aspek pembahagian cerita dan proses penceritaan secara keseluruhan. Kajian tersebut turut mendapati aspek penyelidikan dan kemahiran fakta masih berada di tahap yang sederhana rendah. Sungguhpun begitu, pembikin dokumentari di Malaysia mempunyai keistimewaan dari aspek teknikal. Kajian tersebut merumuskan secara keseluruhan dokumentari di Malaysia adalah di tahap sederhana.

Menurut Mohd Said Abdullah Thani, penerbit TV3:

“Kualiti penerbitan untuk televisyen merangkumi banyak aspek antaranya teknikal dan juga kandungannya. Dari aspek teknikal, kami di stesen televisyen tiada masalah. Tetapi daripada aspek kandungan dan penyelidikannya, itu yang masih kami belajar dan cuba tingkatkan”

(Sumber: Mohd Said Abdullah Thani, 2014)

Hasil Sidang Meja Bulat yang dijalankan oleh Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, Shamsubaridah (2009) antara lain merumuskan bahawa cabaran organisasi yang mantap, pelaburan masa (penyelidikan), wang dan tenaga oleh pihak terbabit bagi menghasilkan skrip dokumentari yang hebat. Ia mungkin tidak berbaloi jika jaringan pemasaran dokumentari tidak diperluaskan.

Menurut Megat al-Imran (2004), cabaran sebenar program dokumentari pada

hari ini bukan sahaja diukur melalui peratusan ia tersiar di televisyen tempatan, tetapi isu kualiti penerbitan dokumentari perlu diselesaikan supaya menarik minat penonton dalam suasana persaingan industri penyiaran global.

Kajian beliau turut menunjukkan majoriti penerbit dokumentari di Malaysia amat bersetuju bahawa program dokumentari Malaysia yang sedia ada tidak melalui proses penyelidikan yang mendalam. Hal ini turut diakui oleh Ketua Pengarah Filem Negara Malaysia, Raja Rozaimi Raja Dalnish Shah yang mendedahkan dokumentari yang diterbitkan oleh pihaknya turut mempunyai masalah di tahap penyelidikan.

*“At Filem Negara, we are facing the problem of the lack of research in our documentary. Our scripts are very weak, very shallow. Therefore, it affects the whole structure of the documentary”. (m.s. 183)*

(Sumber: Megat al-Imran, 2004)

Dengan kata lain, syarikat produksi yang menerbitkan dokumentari terlalu bergantung kepada stesen televisyen khususnya RTM dan Jabatan serta agensi kerajaan. Ini menjadikan pasaran dokumentari menjadi kecil dan tidak mempunyai potensi yang tinggi. Situasi ini akan menyebabkan penerbitan dokumentari menjadi perlahan, tidak berkembang malah mungkin pupus jika tidak diketemukan jalan penyelesaiannya.

Dengan pasaran tempatan yang terhad, meneroka pasaran antarabangsa menjadi opsyen terbaik pembikin dokumentari. Ia selaras apa yang disarankan oleh laporan Dasar Perfileman Negara tahun 2005, dokumentari adalah satu komoditi yang berpotensi menjadi aset intelektual yang tinggi nilainya. Pengeluaran dokumentari di Malaysia dari tahun 1999 hingga 2003 hanya berjumlah 26 tajuk setahun (DFN, 2005). Namun bagi tahun 2004 sahaja jumlah penerbitan melonjak kepada 45 judul di atas inisiatif Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Penerbit dokumentari tempatan yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh seharusnya meneroka pasaran antarabangsa bagi mencari jalan keluar kepada kekurangan permintaan dalam stesen televisyen tempatan. Mereka harus mencari jalan untuk mempertingkatkan kualiti penerbitan bagi menepati standard yang diperlukan oleh penyiar antarabangsa.

Bagi menembusi penyiar antarabangsa, pembikin dokumentari harus mengikut format dan kualiti kandungan yang ditetapkan. Setiap penyiar mempunyai stail dan standard yang ditetapkan. Ia berbeza-beza mengikut genre atau jenis kandungan dokumentari. Perkara ini sukar ditangani oleh pembikin dokumentari tempatan sehingga mereka sendiri mendapat peluang bekerjasama

dengan penerbit penyiar antarabangsa tersebut. Menyedari situasi tersebut, FINAS telah mengambil inisiatif memperkenalkan beberapa program penerbitan dokumentari dengan kerjasama penyiar antarabangsa seperti National Geographic Channel, Discovery Channel dan History Channel. Antara program tersebut ialah *Eye of Malaysia* dan *First Time Filmmakers (FTFM)*. Melalui program ini, pembikin dokumentari tempatan mendapat peluang menerbitkan dokumentari untuk siaran penyiar antarabangsa mengikut kaedah berikut:

- i. Projek dibiayai sepenuhnya oleh FINAS dan disiarkan di siaran penyiar antarabangsa yang bekerjasama;
- ii. Penerbitan dokumentari diselia oleh penerbit eksekutif dilantik mewakili penyiar antarabangsa;
- iii. Penerbit eksekutif bertindak sebagai penasihat dan pengawal kualiti penerbitan;
- iv. Kandungan dokumentari dicadangkan oleh pembikin tetapi mestilah mengikut format dan stail penyiar antarabangsa.

Lantaran daripada masalah dan situasi semasa dokumentari di Malaysia, kajian ini akan meneroka kaedah dan amalan bagaimana sesebuah penerbitan dokumentari yang berkualiti antarabangsa dapat diterbitkan. Tiada kajian khusus yang mengupas mengenai persoalan dokumentari Malaysia untuk pasaran antarabangsa. Kajian sedia ada yang pernah dijalankan lebih menjurus kepada kupasan tentang situasi semasa penerbitan dokumentari yang merangkumi sejarah dan perkembangan dokumentari di Malaysia, permasalahan yang dihadapi oleh penerbit, kemelut di antara stesen televisyen dan penerbit, isu kualiti penerbitan, kelemahan aspek penyelidikan, masalah subjek penceritaan dan skrip serta isu pasaran. Dengan demikian, kajian ini lebih menjurus terhadap penerokaan kepada penyelesaian isu-isu yang telah dikaji sebelum ini.

Kajian ini memberi fokus kepada bagaimana sebuah dokumentari yang berkualiti antarabangsa dihasilkan dari aspek pembangunan kandungan produksi (pra-produksi). Hal ini turut disaran oleh Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, Shamsubaridah (2009):

“Malaysia perlu memasuki dan berusaha menguasai pasaran media ini di peringkat antarabangsa. Pasarannya ada, bukan saja di luar negara tetapi di dalam negara apabila bertambahnya TV digital dan media bergerak. Jentera pembuatan dokumentari perlu sentiasa ada dan tahu pendekatan yang boleh mencapai mutu antarabangsa. Malaysia perlu jentera pemasaran yang cekap dan strategik untuk meneroka pasaran baru. (189-190)



Dokumentari adalah satu komoditi negara yang penting untuk diketengahkan di pasaran antarabangsa. Dokumentari berupaya mempromosi negara di samping menjadi aset intelektual yang tinggi nilai komersilnya. Hal ini ditambah dengan momentum penerbitan dokumentari di Malaysia adalah semakin rancak sejak daripada awal tahun millenium. Dalam tempoh sembilan tahun iaitu dari tahun 2006 hingga 2015, berlaku peningkatan dan penurunan jumlah pengeluaran lesen FINAS bagi kategori dokumentari.

**Jadual 1.1: Jumlah Pengeluaran Lesen  
FINAS bagi Tempoh 2006 – 2015**

<b>Tahun</b>	<b>Dokumentari</b>
<b>2006</b>	1,477
<b>2007</b>	2,262
<b>2008</b>	1,839
<b>2009</b>	543
<b>2010</b>	1,250
<b>2011</b>	1,135
<b>2012</b>	524
<b>2013</b>	492
<b>2014</b>	211
<b>2015</b>	271

(Sumber: FINAS, 2015)

Penerokaan pasaran antarabangsa merupakan jalan keluar kepada permasalahan yang membelenggu pasaran dokumentari tempatan. Sungguhpun begitu, standard penontonan di peringkat antarabangsa adalah tinggi yang mana penerbit di Malaysia belum mampu merealisasikannya. Sebagai komuniti yang baru dalam bidang ini, masih banyak yang perlu dipelajari khususnya dalam menghasilkan dokumentari berkualiti antarabangsa seperti yang dimahukan (Megat al-Imran 2004).

### **Persoalan Kajian**

Pasaran dokumentari ke peringkat global menjadi trend baharu malah ia adalah langkah pihak FINAS untuk memperluas dan mempergiat pembikin dokumentari tempatan supaya didedahkan dengan sifat dokumentari Malaysia di pasaran antarabangsa. Pada tahun 2008, FINAS melancarkan program 'Eye on Malaysia' dengan kerjasama Discovery Channel Networks Asia. Kevin Dickie, Naib Presiden Kanan Discovery Networks Asia Pasifik berkata:

*"Eye on Malaysia will help consolidate expertise in the local film and television industry and take documentary filmmaking in Malaysia to the next level."*

(Sumber: The Sunday Daily, 2008)

Inisiatif program ini dapat membuka jalan kepada pembikin dokumentari tempatan yang berbakat untuk mengenal dan mendapat peluang menerbitkan dokumentari untuk pasaran antarabangsa. Manakala menurut Tom Keaveny, Timbalan Presiden & Pengurus Besar Discovery Networks Asia Pacific, penghasilan dokumentari tidak boleh dilakukan dalam jangkamasa singkat. Daripada penyelidikan, rakaman dan pasca-produksi, semuanya tidak boleh dilakukan dengan tergesa-gesa (Kosmo, 2009). Hal ini memberi gambaran bahawa di setiap tahap produksi memerlukan proses yang teliti dan mengambil masa.

Peluang yang mereka perolehi membolehkan mereka mempelajari sifat-sifat kandungan atau jalan cerita yang dituntut oleh penyiar antarabangsa. Naib Presiden Kandungan Discovery Networks Asia Pasifik, Vikram Channa menyatakan;

*"We will look for strong characters; we will look for stories which have an element of contradictions, conflict as well as a global comment."*

(Sumber: The Sunday Daily, 2008)

Beliau menekankan aspek jalan cerita kontradik dan karakter yang kuat sebagai faktor untuk kandungan sesebuah dokumentari untuk tayangan di Discovery Channel. Ini adalah contoh ciri-ciri yang diperlukan untuk Discovery Channel. Apakah ciri-ciri yang diperlukan untuk penyiar-penyiar lain? Aspek ini yang menjadi kekangan kepada pembikin dokumentari tempatan. Praktis kandungan yang diperlukan bagi setiap penyiar antarabangsa berbeza mengikut genre masing-masing.

Menurut Harun Rahman, Presiden Persatuan Dokumentari Malaysia (MyDocs):

*“Permintaan untuk penyiar antarabangsa memang tinggi. Tak banyak pembikin dokumentari di Malaysia yang selesa dengan keadaan ini, tapi tak ada benda yang kita tak boleh buat. Semua kita boleh buat sebenarnya.”*

(Harun Rahman 2014).

Beliau menekankan bahawa pembikin dokumentari tempatan perlu belajar untuk memahami apakah permintaan pihak penyiar antarabangsa. Hal ini menjadi faktor penyebab penerimaan dokumentari Malaysia dapat disesuaikan untuk pasaran antarabangsa.

Lantas, kajian ini akan meneroka apakah permintaan penyiar antarabangsa untuk menghasilkan sebuah produk berkualiti antarabangsa. Isu asas yang ingin diketahui ialah ciri-ciri kandungan dan amalan pembangunannya.

Untuk mencapai objektif kajian ini, berikut adalah beberapa persoalan kajian yang telah dirangka, iaitu:-

- i. Bagaimanakah ciri-ciri kandungan dokumentari untuk pasaran antarabangsa?
- ii. Bagaimanakah amalan pembangunan kandungan yang baik dalam penerbitan dokumentari untuk pasaran antarabangsa?

### **Objektif Umum**

Tujuan umum kajian adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri dan amalan pembangunan kandungan dokumentari Malaysia untuk pasaran antarabangsa.

### **Objektif Khusus**

Tujuan khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menghuraikan ciri-ciri kandungan dokumentari untuk pasaran antarabangsa.
- ii. Menghuraikan amalan pembangunan kandungan yang baik dalam penerbitan dokumentari untuk pasaran antarabangsa.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting untuk meneroka topik penerbitan dokumentari Malaysia ke pasaran antarabangsa. Dalam proses menghasilkan sorotan literatur untuk kajian ini, penyelidik menghadapi kesukaran untuk menemui kajian ilmiah mengenai kaedah dan amalan penerbitan dokumentari Malaysia ke tahap lebih tinggi.

Kajian ini akan menganalisa pengalaman-pengalaman penerbit atau pengarah dokumentari yang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Melalui analisa tersebut, penyelidik akan membuat konklusi tentang corak dan citarasa yang dikehendaki oleh pengedar antarabangsa. Pengetahuan tentang corak dan citarasa ini dapat memberi gambaran kepada penerbit tempatan tentang subjek dan topik yang berpotensi untuk diketengahkan.

Selain itu, kajian ini akan meneroka proses penerbitan yang dikhususkan untuk pasaran antarabangsa oleh beberapa penyiar utama. Belum ada satu kajian menyeluruh yang meneroka amalan dan praktis penerbitan dokumentari yang mengguna pakai format dan cara kerja penerbit antarabangsa. Penyelidik melakukan kaedah kajian fenomenologi bagi meneroka dan memahami amalan penerbitan khususnya di tahap pra-produksi. Hasil kajian ini dapat membantu pengamal dokumentari di Malaysia tentang skala penerbitan yang patut dipraktikkan bagi menghasilkan sebuah dokumentari bermutu tinggi.

Pengetahuan tentang amalan penerbitan yang baik amat penting kepada pengamal dan pembikin dokumentari di Malaysia. Amalan penerbitan yang baik akan menghasilkan kualiti penerbitan yang bermutu tinggi. Kajian oleh Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, Shamsubaridah (2009) membuktikan bahawa amalan penerbitan yang sempurna (mengikut pendekatan konvensi sejagat) adalah jalan terbaik untuk menghasilkan dokumentari yang bermutu tinggi. Selain itu, hasil kajian ini amat signifikan kepada pembuat dasar seperti agensi kerajaan yang terlibat seperti FINAS, MDEC, SKMM dan pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia dalam mengenalpasti program pembangunan dokumentari Malaysia ke pasaran global. -

Sebagai tambahan kepada penerokaan terhadap amalan dan praktis produksi bermutu tinggi, kajian ini juga memberi fokus kepada pembangunan kandungan yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan sesebuah produksi. Penyelidik akan mengenalpasti proses-proses yang perlu dilalui oleh seseorang pembikin dokumentari pada tahap pembangunan kandungan iaitu pembinaan idea dan kertas cadangan, pembentangan atau persembahan kepada pihak yang terbabit, proses penyelidikan dan penghasilan skrip. Fokus terhadap pembangunan

kandungan menjadikan kajian ini amat signifikan kerana hasil kajian terdahulu mendapati kebanyakan penerbit dokumentari di Malaysia menghadapi masalah dalam proses penyelidikan dan pembangunan skrip.

Hal ini disokong apabila pada tahun 2012, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim telah mengarahkan agar Dasar Perfileman Negara (DFN) ditambah baik bagi membantu penggiat seni tempatan menghasilkan filem-filem yang berkualiti untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa dan menyumbang kepada pendapatan negara (Sinar Harian 2012). DFN dalam laporannya turut menekankan bahawa syarikat penerbitan filem utama supaya meningkatkan rangkaian antarabangsa yang kuat dengan stesen TV. Pada masa yang sama DFN juga menyedari betapa perlunya stesen-stesen televisyen tempatan memberi fokus dalam menghasilkan dokumentari bermutu supaya mereka dapat meluaskan pasaran global (DFN 2005).

Kajian ini penting bagi mengenalpasti ciri-ciri dan bentuk kandungan yang sesuai untuk tayangan di pasaran antarabangsa. Penyelidik percaya bahawa setiap penyiar atau *channel* mempunyai gaya dan resipi kandungan yang tersendiri. Mereka menentukan topik penceritaan dan hala tuju plot penerbitan mengikut spesifikasi yang ditetapkan berdasarkan faktor penonton komersil. Dapatan kajian ini memungkinkan jurang antara penyiar dan pembikin dokumentari dapat dikurangkan khususnya dari aspek pembangunan kandungan.

### **Skop Kajian**

Penerbitan dokumentari merupakan satu proses yang panjang. Tiga tahap utamanya ialah pra-produksi, produksi dan pasca-produksi. Sungguh pun begitu, kajian ini akan memberi fokus kepada masalah utama dalam pembikinan dokumentari ialah pembangunan kandungan pada tahap pra-produksi.

Penelitian mendalam pada tahap pembangunan kandungan penting bagi keseluruhan penerbitan dokumentari kerana ia merupakan titik awal kepada perjalanan sesebuah produksi dokumentari. Tahap ini juga merupakan fasa samada pengisian dan jalan cerita dipersetujui oleh pelanggan atau penyiar. Penerbitan dokumentari untuk pasaran antarabangsa bermula hanya setelah mendapat persetujuan daripada penyiar antarabangsa seperti Discovery Channel, National Geographic Channel dan History Channel. Dengan kata lain, penyiar antarabangsa telah bersetuju dengan topik dan jalan cerita yang akan diterbitkan. Malah mereka menetapkan prosedur dan kaedah kepada penerbit atau pengarah demi mencapai kualiti penerbitan yang kehendaki. Maka kajian ini menjurus kepada penelitian dan analisis pengalaman pengarah atau penerbit

dokumentari tempatan dalam menghurai amalan terbaik untuk menghasilkan dokumentari untuk pasaran antarabangsa.

### **Limitasi Kajian**

Kajian ini meneliti dan menganalisis pengalaman pengarah atau penerbit tempatan yang pernah menghasilkan dokumentari untuk pasaran antarabangsa. Pasaran antarabangsa bermaksud dokumentari yang pernah tersiar di empat saluran penyiar antarabangsa yang utama iaitu National Geographic Channel, Discovery Channel, History Channel dan Bio Channel. Walaupun terdapat lebih banyak saluran antarabangsa yang lain, empat saluran berikut merupakan penyiar utama dalam genre dokumentari dan siarannya boleh ditonton oleh rakyat Malaysia melalui saluran satelit berbayar ataupun saluran televisyen terrestrial.

Informan dipilih berdasarkan senarai yang diperolehi daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Senarai ini merupakan pembikin dokumentari yang terlibat dalam dua program pembangunan dokumentari tempatan iaitu Ke Persada Dunia dan Kerjasama dengan Penyiar Antarabangsa daripada tahun 2007 sehingga tahun 2012. Penyelidik mendapat kerjasama informan dengan lebih mudah oleh kerana mendapat restu oleh pihak FINAS dalam menjalankan kajian ini. Oleh yang demikian, penyelidik dapat meminimalkan masalah yang berkaitan faktor masa dan kewangan.

Penyelidik menghadapi kekangan untuk mendapatkan temu janji dengan informan-informan yang telah dikenal pasti oleh kerana mereka terikat dengan jadual kerja yang padat. Bagi mengatasi masalah tersebut, penyelidik memberi kelonggaran tempoh masa yang panjang untuk informan-informan menetapkan tarikh yang mereka kelapangan.

Kajian ini juga tidak menemu bual penerbit atau wakil daripada pihak penyiar antarabangsa kerana faktor lokasi dan kekangan kewangan. Kesemua pejabat pengurusan penyiar antarabangsa terletak di luar negara.

## BIBLIOGRAFI

- Afdjani, H., & Soemirat, S. (2010). Makna iklan televisi (Studi fenomenologi pemirsa di Jakarta terhadap iklan televisi minuman “Kuku Bima Energi” versi Kolam Susu). *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 8 (1), 96-108.
- Ahelmalena, P. (2011). Analisis fenomenologi pada program 'Mario Teguh Golden Way' di Metro TV. *Disertasi Master*. Universitas Islam Negeri, Indonesia.
- Ahmad Yazid. (2014, September 15). Kandungan Penerbitan Dokumentari yang Bermutu Tinggi (Interview).
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Shamsubaridah Ramlee. (2009). *Industri Dokumentari Di Malaysia. Isu dan Hala Tuju*. Ampang: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
- Astro Annual Report. (2014). Kuala Lumpur: Astro.
- Berg, L. R. V., Wenner, L. A., & Gronbeck, B. E. (2003). *Critical approaches to television*. United States: Pearson College Division.
- Berita Harian*. (2003, September 24). Media prima pegang 100% saham TV3. p.22.
- Berita Harian*. (2010, June 22). Filem dokumentari mampu angkat imej Malaysia ke pentas global. p.17.
- Bernama*. (2011, January 10). Finas perlu cergas perkasakan industri filem negara. Retrieved from <http://web10.bernama.com/lifestyle/index.php?ct=newsdetail&lg=my&id=920724>
- Bernama*. (2012, Mac 3). Industri filem negara mengorak langkah ke hadapan. Retrieved from [http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news\\_lite.php?id=479314](http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=479314)
- Bernard, H. R. (2011). *Research methods in anthropology: Qualitative and quantitative approaches*. United States: Rowman & Littlefield Publishers.
- Caughie, J. (2013). *Theories of authorship*. London: Routledge.
- Chapman, J. (2007). *Documentary in practice: Filmmakers and production choices*. Cambridge: Polity.

*Dasar Perfileman Negara.* (2005). Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

De Jong, W., Knudsen, E., & Rothwell, J. (2014). *Creative documentary: Theory and practice.* London: Routledge.

Tregde, D. (2013). A case study on film authorship: exploring the theoretical and practical sides in film production. *Elon Journal of Undergraduate Research in Communications*, 4 (2), 1-4.

Documentaries. (2014). *The American Heritage Dictionary online.* Retrieved from <https://www.ahdictionary.com/word/search.html?q=documentaries&submit.x=0&submit>

Filem Negara. (2003). Retrieved from <http://www.filemnegara.gov.my/function.html>

Finney, A. (2014). *The international film business: A market guide beyond Hollywood.* London: Routledge.

Gerstner, D. A., & Staiger, J. (Eds.). (2013). *Authorship and film.* New York: Routledge Routledge.

Harun Rahman. (2014, September 11). Kandungan Penerbitan Dokumentari yang Bermutu Tinggi (Interview).

Hassan Mutalib. (2013). *Malaysian cinema in a bottle: A century (and a bit more) of wayang.* Kuala Lumpur: Merpati Jingga.

Hillier, J. (Ed.). (1985). *Cahiers Du Cinéma, the 1950s: Neo-realism, Hollywood, New Wave (Vol. 1).* Cambridge: Harvard University Press.

Jasmi Shahir. (2014, September 12). Kandungan Penerbitan Dokumentari yang Bermutu Tinggi (Interview).

Juel, H. (2006). Defining Documentary Film. *A Danish Journal of Film Studies*. 22, 5-14.

Kilborn, R & Izod, J. (1997). *An Introduction to television documentary.* Manchester: Manchester University Press.

*Kosmo!*. (2009, August 20). Wajah Bangsa Kita. Retrieved from [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2009&dt=0827&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_02.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2009&dt=0827&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm)

*MFU 10<sup>th</sup> Anniversary Booklet.* (1956). Kuala Lumpur: Malayan Film Unit.



- Malayan Film Unit Annual Report*. (1954). Kuala Lumpur: Malayan Film Unit.
- Marsen, S. (2006). *Communication studies*. United Kingdom: Palgrave Macmillan.
- Maxwell, J. A. (2012). *Qualitative research design: An interactive approach: An interactive approach*. California: Sage Publications.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education. Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- McQuail's, D. (2001). *Mass communication theory*. London: Sage Publications.
- Megat Al-Imran Yasin. (2003). *Political Economy of Malaysian Documentary Productions*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Said Abdullah Thani. (2014, September 4). Kandungan Penerbitan Dokumentari yang Bermutu Tinggi (Interview).
- Mpofu, S. (2009). *Auteurism in documentary filmmaking: the making of The Gagus: the Nigerian kitchen*. Disertasi, University of The Witwatersrand.
- Muthalib, H. A. (2009). Winning hearts and minds': representations of Malays and their milieu in the films of British Malaya. *South East Asia Research*, 17(1), 47-63.
- Muthalib, H. (2011). The end of empire: the films of the Malayan Film Unit in 1950s British Malaya. In L. Grieveson and C. MacCabe (Eds.), *Film and the End of Empire*. London: Palgrave Macmillan. p.p. 177–196.
- Mohd Mahyidin Mustakim. (2011). Tanggungjawab perkasakan industri filem Malaysia. *Berita Harian*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my>
- Marketing Magazine*. (2008, August 14). Discovery channel's first time filmmakers documentary wins at the malaysian film festival 2008. Retrieved from <http://www.marketingmagazine.com.my/index.php/132-breaking-news-2008/2893-discovery-channels-first-time-filmmakers-documentary-wins-at-the-malaysian-film-festival-2008>
- News Straits Times*. (2013, January 10). FINAS urged to be aggressive in strengthening film industry. Retrieved from <http://www.nst.com.my/nation/general/finas-urged-to-be-aggressive-in-strengthening-film-industry-1.199088#ixzz2qlGCGgPq>

- Nichols, B. (1991). *Representing reality: Issues and concepts in documentary*. Bloomington, Indiana: Indiana University Press.
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). (2010). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). (2011). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). (2012). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. California: Sage Publications.
- Rabiger, M. (2014). *Directing the documentary*. New York: Routledge.
- Raja Ahmad Alauddin. (2004). Penerbitan filem dokumentari: Satu tinjauan terhadap perkembangan sejarah dan teknologi. *Jurnal Skrin Malaysia*, 1, 1-10.
- Rofekamp, J. (2001, January 31). The Future of Auteur Documentary (Blog). Retrieved from *Realscreen Blog*: <http://realscreen.com/2001/01/31/janrofek-20010131/>.
- Radio Televisyen Malaysia. (1989). Kuala Lumpur: Radio Televisyen Malaysia.
- Rahmah Hashim & Mus Charil Samani. (1992). *Dasar penswastaan negara: Kesannya kepada industri penyiaran televisyen di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarris, A. (1962). Auteur theory and film evaluation. *Film Culture*, 27(63), 1-8.
- Sheppard, M. (1956). The birth of the Malayan Film Unit. *MFU's 10<sup>th</sup> Anniversary Dinner Brochure*, Griffin Inn, Kuala Lumpur, 26 November 1956.
- Steinberg, C. (1980). *Film facts*. New York: Facts on File.
- Syd Mead (Producer) & Charles de Lauzirika (Director). (2007). *Dangerous Days: Making of Blade Runner*. United States: Warner Bros. Pictures.
- Sharma. (2015). Film and documentary script writing process. *International Journal of Advance Research And Innovative Ideas In Education*, 1(4), 7-12.

- Sinar Harian*. (2012, September 3). Rais mahu Dasar Perfileman Negara dikemas kini. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/rais-mahu-dasar-perfileman-negara-dikemas-kini-1.81562a>
- Star Online*. (2010, August 28). *Documentary on Supermohd to premiere on Aug 30*. Retrieved from <http://www.thestar.com.my/story.aspx/?file=%2f2010%2f8%2f28%2fnation%2f6939440&sec=nation>
- Tomasulo, F. P. (1997). Theory to practice: Integrating cinema theory and film production. *Cinema Journal*, 36(3), 113-117.
- Tregde, D. (2013). A case study on film authorship: Exploring the theoretical and practical sides in film production. *Elon Journal of Undergraduate Research in Communications*, 4(2), 5-15.
- The Sunday Daily*. (2008, September 12). An Eye on Malaysia. Retrieved from <http://www.thesundaily.my/node/163207>
- Tregde, D. (2013). A Case Study on Film Authorship: Exploring the Theoretical and Practical Sides in Film Production. *Elon Journal of Undergraduate Research in Communications*, 4(2), 5-15.
- Truffaut, F. (1984). *Hitchcock*. New York: Simon and Schuster.
- Ubaidullah Mustafa. (2008). *Prinsip filem dokumentari: Penilaian, penceritaan dan kritikan*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

## **BIODATA PELAJAR**

Shahrul Azli bin Mohd Shukor dilahirkan di Ipoh, Perak pada 3 Oktober 1976. Pendidikan awal beliau pada tahun 1983 di SRK Cator Avenue, Ipoh, kemudiannya menyambung pengajian di Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar di tingkatan satu pada tahun 1989. Pada tahun sama, beliau berpindah ke SMKA Sultan Azlan Shah, Bota sehingga tamat ke peringkat SPM.

Pada tahun 1994, beliau menyambung pengajian di Akademi Seni Kebangsaan (kini ASWARA) dalam bidang Penulisan Kreatif. Beliau menamatkan pengajian diploma pada tahun 1998 dan menubuhkan syarikat SQ Productions Sdn. Bhd. yang menjalankan aktiviti perniagaan di bidang pengurusan seni dan sastera.

Pada tahun 2002, beliau bekerja di Uniputra Production sebuah entiti di bawah University Business Centre (UBC) sehingga dilantik sebagai Ketua Unit pada tahun 2005. Pada tahun 2008, beliau berpindah ke Bahagian Komunikasi Korporat (BKK), UPM sebagai Penerbit Rancangan. Kemudian pada tahun 2009, beliau berpindah ke bahagian Bahagian Promosi dan Pemasaran (BPP). Pada tahun 2012, unit tersebut digabungkan menjadi Pejabat Komunikasi dan Pemasaran (MarComm) dan beliau bertukar jawatan sebagai Pegawai Penerbitan sehingga pada Jun 2013.

Dalam bidang akademik, beliau melanjutkan pengajian Bachelor Komunikasi pada tahun 2006 dan tamat bergraduasi pada tahun 2010. Pada tahun 2016, beliau mendaftar sebagai pelajar sarjana dalam bidang teknologi komunikasi di bawah bimbingan Dr. Megat al-Imran Yasin.

## PENERBITAN

Shukor, S. A. M., & Yasin, M. A. I. (2019). AMALAN PEMBANGUNAN KANDUNGAN DOKUMENTARI MALAYSIA UNTUK PASARAN ANTARABANGSA. *Asian Journal of Applied Communication (AJAC)*, 8(1).





## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2019/2020

#### TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

AMALAN PEMBANGUNAN KANDUNGAN DOKUMENTARI MALAYSIA UNTUK  
PASARAN ANTARABANGSA

NAMA PELAJAR : SHHRUL AZLI MOHD SHUKOR

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]